

# Peluang siswa berniaga

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@mediaprima.com.my

► Serdang

Jualan pelbagai hidangan berasaskan ikan tilapia menjadi tarikan utama Karnival Tunas Usahawan Tani di Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Selain dibakar, digoreng, masak masam manis dan tomyam; ikan itu juga dijadikan bahan asas bagi hidangan sushi, cucur dan burger.

Gerai itu diusahakan 35 pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Hortikultur & Sains Pertanian

bagi menjayakan aktiviti jualan pelbagai hasil pertanian daripada program Tunas Usahawan Tani.

Antara ahli kumpulan itu, Nur-najihah Hasim, 22; berkata ikan tilapia yang dijual bersempena dengan karnival itu hasil tuaian ternakan mereka mulai Februari lalu hingga bulan ini.

"Kami memelihara ikan tilapia gred B bagi projek ini. Sebahagian dijual kepada individu dan di pasar sementara bakinya diproses menjadi pelbagai hidangan untuk dijual bersempena dengan karnival ini.

"Antara hidangan yang mendapat sambutan pengunjung hari ini ialah set nasi, sayur dan ikan tilapia bakar, sushi tilapia, cucur dan burger tilapia," katanya



**Sekumpulan pelajar** menjual buah rock melon.

ketika ditemui.

## Jual rock melon

Sementara itu, sekumpulan pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian tidak ketinggalan menjual hasil tanaman diusahakan bagi program yang sama iaitu buah rock melon.

Jurucakap kumpulan itu, Sumaiyah Zainal, 22; berkata lebih 1,000 buah rock melon yang ditanam menggunakan kaedah ferti-

gasi dijual di kolej kediaman dan gerai jualan karnival.

"Rock melon yang kami tawarkan kepada pengunjung karnival adalah hasil titik peluh kami mengusahakan tanaman ini di Ladang Bersepadu Bukit Ekspo UPM.

"Kami menjualnya pada harga berpatutan iaitu RM6 sekilo dan RM1 sebungkus. Bagi menarik lebih ramai pengunjung, kami turut menawarkan produk sampingan seperti dadih, rojak buah

dan aiskrim Malaysia," katanya.

Turut memeriahkan karnival itu ialah peserta program Inkubasi Usahawantani tahun ini yang menjual ikan tilapia dan rock melon selain kumpulan pelajar Kursus Keusahawanan Pertanian dan Kursus Keusahawanan Perniagaantani yang menjual ayam kampung kacukan dan sayur.

## Pendedahan

Sementara itu, Timbalan Dekan (Pembangunan, Jaringan Industri dan Masyarakat) Fakulti Pertanian UPM, Prof Madya Dr Halimi Mohd Saud, berkata karnival itu dianjurkan bagi mendedahkan peserta kepada strategi jualan dan peluang berinteraksi dengan pengguna.

"Cabaran dihadapi usahawan tani adalah menghasilkan produk berkualiti tinggi serta memenuhi kehendak pengguna yang mempunyai pengharapan tinggi terhadap keluaran pertanian.

"Pengguna masa kini bukan saja mahukan produk cantik dipandang, segar dan murah, tetapi mereka mahu barangan berkhasiat, baik untuk kesihatan dan selamat dimakan," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian karnival itu.





**Pelajar UPM** menunjukkan hidangan berasaskan ikan tilapia yang dihasilkan.

[ FOTO KAMARULZAMAN ARIFFIN/ BH ]